

PANDUAN PELAKSANAAN BELANJAWAN 2021 KE ATAS PENGIMPORAN ATAU PEMBELIAN ROKOK, PRODUK TEMBAKAU, PERANTI ROKOK ELEKTRONIK DAN BUKAN ELEKTRONIK TERMASUK VAPE SERTA CECAIR / GEL TANPA NIKOTIN YANG DIGUNAKAN DALAM ROKOK ELEKTRONIK YANG DIBELI DARIPADA KEDAI BEBAS CUKAI ATAU DARI LUAR NEGARA OLEH PENUMPANG YANG MASUK KE MALAYSIA

PENGENALAN

1. Kementerian Kewangan Malaysia telah membentangkan langkah - langkah kawalan bagi membanteras penyeludupan rokok, produk tembakau, peranti rokok elektronik dan bukan elektronik termasuk vape serta cecair / gel tanpa nikotin yang digunakan dalam rokok elektronik sebagaimana yang diumumkan dalam Belanjawan 2021 yang lalu. Di antaranya adalah dengan mengenakan duti dan cukai ke atas pengimportan atau pembelian produk berkenaan dari luar negara atau Kedai Bebas Cukai oleh pelancong asing dan warganegara Malaysia yang tiba ke Malaysia melalui semua jenis mod pengangkutan untuk kegunaan di dalam negara.
2. Selaras dengan arahan tersebut, pengecualian yang diberikan terhadap rokok dan produk tembakau melalui Butiran 10 & 10A Perintah Duti Kastam (Pengecualian) 2017 adalah dibatalkan.
3. Sehubungan dengan itu, sebagai sebuah agensi yang dipertanggungjawabkan untuk melaksanakannya, JKDM telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya bagi memastikan hasrat kerajaan dapat dilaksanakan dengan penuh komitmen dan iltizam.

PELAKSANAAN

1. Kedai Bebas Cukai (KBC) adalah sebuah premis yang dilesenkan di bawah Seksyen 65D Akta Kastam 1967. Pelaksanaan ketetapan ini adalah merujuk kepada;
 - 1.1 KBC Lapangan Terbang,
 - 1.2 KBC Pelabuhan, dan
 - 1.3 KBC Sempadan
2. Produk yang terlibat dengan ketetapan ini adalah merujuk kepada :-
 - 2.1. rokok,
 - 2.2. produk tembakau,
 - 2.3. peranti rokok elektronik dan peranti rokok bukan elektronik, dan
 - 2.4. vape serta cecair / gel tanpa nikotin yang digunakan dalam rokok elektronik.
3. Semua produk di para 2 di atas yang diimport dari luar negara atau yang dibeli dari KBC oleh pelancong asing dan warganegara Malaysia akan dikenakan duti dan cukai apabila produk tersebut dibawa masuk ke Kawasan Utama Kastam (KUK);
4. Pelancong asing dan warganegara Malaysia yang mengimport atau membeli produk sebagaimana di para 2 di atas dan akan membawa produk berkenaan ke KUK hendaklah mengikrar pembelian tersebut secara *self-declaration* kepada Pegawai Kastam Yang Hak di pejabat kastam Cawangan / Unit Pemeriksaan Penumpang;

5. Pengenaan Duti dan Cukai ke atas produk berkeenaan adalah berdasarkan kadar duti dan cukai yang ditetapkan di dalam Perintah Duti Kastam 2017, Perintah Cukai Jualan (Kadar Cukai) 2018 dan Perintah Duti Eksais 2017;
6. Duti dan cukai yang terlibat hendaklah dijelaskan di pejabat Cawangan / Unit Pemeriksaan Penumpang yang berhampiran dengan premis KBC berkeenaan sebelum produk berkeenaan di bawa masuk ke KUK;

PERANAN PEGAWAI JKDM

1. Memberi khidmat nasihat kepada pelanggan Jabatan berhubung pelaksanaan Belanjawan 2021 ke atas pengimportan atau pembelian rokok, produk tembakau, peranti rokok elektronik dan bukan elektronik termasuk vape serta cecair / gel tanpa nikotin yang digunakan dalam rokok elektronik daripada dari luar negara atau KBC;
2. Membuat taksiran serta penilaian ke atas *self-declaration* yang dikemukakan oleh pelancong asing dan warganegara Malaysia bagi tujuan pembayaran duti dan cukai;
3. Mengutip duti dan cukai yang terlibat berdasarkan kadar duti dan cukai yang ditetapkan di dalam Perintah Duti Kastam 2017, Perintah Cukai Jualan (Kadar Cukai) 2018 dan Perintah Duti Eksais 2017;
4. Memastikan semua pembelian produk-produk berkeenaan bagi tujuan dibawa ke KUK diikrar dan dijelaskan duti dan cukai yang terlibat sebelum dilepaskan dari kawalan kastam;

PERANAN PEMEGANG LESEN KBC

1. Pemegang lesen KBC hendaklah mempamerkan notis dwi Bahasa di premis KBC menggunakan font dengan saiz yang boleh dilihat dengan jelas dan mudah dibaca oleh pelanggan seperti berikut;

“Rokok, produk tembakau, peranti rokok elektronik dan bukan elektronik termasuk vape serta cecair / gel tanpa nikotin yang digunakan dalam rokok elektronik yang di bawa masuk ke dalam Malaysia adalah tertakluk kepada pembayaran duti/cukai mulai 1 Julai 2021. Pengikraran yang palsu atau kegagalan membuat pengikraran adalah satu kesalahan dan akan mengakibatkan tindakan rampasan, kompaun atau pendakwaan dikenakan ke atas anda. Pengikraran dan pembayaran duti/cukai hendaklah dilakukan di Kaunter Pejabat Kastam.”

“Cigarettes, tobacco products , electronic and non-electronic cigarette device including vape and liquid / gel not containing nicotine brought into Malaysia are subject to payment of duties / taxes with effect from 1 Julai 2021. Any false declaration or failure to declare is an offence and shall be subject to seizure action, compound or criminal prosecution. Declaration and payment of duties/taxes must be made at the Customs Counter”.

2. Memaklumkan kepada pembeli rokok, produk tembakau, peranti rokok elektronik dan bukan elektronik termasuk vape serta cecair / gel tanpa nikotin yang akan membawa produk tersebut ke KUK untuk membuat *self-declaration* kepada pihak JKDM di pejabat kastam yang telah ditetapkan dan membayar duti dan cukai yang terlibat sebelum ianya di bawa masuk ke KUK;

3. Menyatakan dengan jelas berat timbangan sesuatu produk pada bungkusannya sekiranya maklumat tersebut tidak dinyatakan pada bungkus asal produk berkenaan;

Contoh: Cerut – tiada maklumat berat timbangan pada bungkus jualan produk berkenaan.

PERANAN PEMBELI PRODUK TERSEBUT DI KBC

1. Membuat *self-declaration* kepada Pegawai Kastam Yang Hak ke atas pengimportan atau pembelian rokok, produk tembakau, peranti rokok elektronik dan bukan elektronik termasuk vape serta cecair / gel tanpa nikotin dari luar negara atau KBC yang akan dibawa masuk ke KUK;
2. Menjelaskan duti dan cukai yang terlibat di tempat pembayaran yang telah ditetapkan.

PENUTUP

1. Pelaksanaan ketetapan ini adalah berkuatkuasa **mulai 1 Julai 2021**.
2. Sebarang kemusykilan, pihak Y.Bhg. Dato'/Datuk/ Tuan/ Puan boleh menghubungi pegawai berikut:

2.1. Puan Kamelia Anne Bt Abdullah
Penolong Kanan Pengarah Kastam II
kanne.mulok@customs.gov.my / 03-8882 2498

2.2. Puan Malar A/P Supermaniam
Penolong Pengarah Kastam
malar.maniam@customs.gov.my / 03-8882 4814.

Sekian, Terima kasih

DIKELUARKAN OLEH;

BAHAGIAN PERKASTAMAN
IBU PEJABAT KASTAM
PUTRAJAYA.

Dikemaskini pada 30 Jun 2021